

12 MAR 2000

Umno-Pencalonan (Selayang)

SELAYANG CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Mesyuarat perwakilan Umno bahagian Selayang mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian itu yang mengadakan persidangan perwakilannya hari ini turut mencalonkan Datuk Abu Hassan Omar, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib sebagai calon naib presiden.

Pencalonan Dr Mahathir dan Abdullah serta 25 anggota Majlis Tertinggi (MT) dicadangkan oleh Setiausaha Umno bahagian Selayang, Azami Jusoh dan disokong sebulat suara oleh seramai 394 perwakilan yang hadir melalui undi secara mengangkat tangan.

Bagaimanapun, apabila Azami mencadangkan Abu Hassan, Najib dan Tan Sri Isa Abdul Samad bagi jawatan naib presiden, beberapa perwakilan turut mencadangkan nama Muhammad and Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pengerusi Tetap, Ali Amberan Abdul Hamid yang mengendalikan persidangan akhirnya mengadakan undi sulit setelah perwakilan bersetuju berbuat demikian.

Mesyuarat turut mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah selaku pengerusi tetap dan Datuk Onn Ismail sebagai timbalan pengerusi tetap.

Bahagian itu juga mencalonkan 25 nama untuk jawatan MT.

Mereka ialah Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Shahidan Kassim, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Datuk Osu Sukam, Datuk Abdul Aziz Samsudin, Datuk Dr Rais Yatim, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Shafei Mohd Salleh, Datuk Zainal Dahalan, Datuk Dr Helmi Yahya, Datuk Zahid Hamidi, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Mohd Nazri Tan Sri Aziz, Datuk Azmi Khalid, Datuk Mohd Shariff Omar, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Shafei Apdal, Datin Paduka Zaleha Ismail, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Drs Sulaiman Mohamed, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, Abdul Azim Zabidi dan Datuk Adam Abdul Hamid.

-- BERNAMA

RV LAT